

Rm10 juta peruntukan Penyelidikan UMS tahun hadapan

07:47am 26/10/2019 Mohd Nazllie Zainul Isu Semasa, Pilihan Editorial Komen

Oleh Mohd Nazllie Zainul

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang meningkatkan jumlah peruntukan penyelidikan tahun hadapan sebagai menghargai usaha penyelidik di universiti berkenaan.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata pihaknya menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM7 juta tahun ini namun penambahan RM3 juta akan disediakan sekaligus peruntukan RM10 juta pada tahun hadapan.

Taufiq berkata pihaknya juga bercadang memberikan anugerah kepada semua penyelidik yang berjaya menerbitkan pelbagai jurnal berimpak tinggi di universiti terbabit.



Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin. Gambar Fail SNT

“Ini salah satu inisiatif kita membantu penyelidik di UMS untuk terus melakukan penyelidikan baharu setiap tahun.

“Ia juga dilihat boleh menjadi pembakar semangat agar mereka sentiasa berusaha dan bekerja keras melakukan yang dalam penyelidikan masing-masing.

“Hal ini kerana semua penyelidikan yang berjaya ini bukan hanya memberi kepentingan serta kebaikan kepada universiti malah impaknya juga boleh dinikmati masyarakat sekiranya ia dikomersialkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas menghadiri Majlis Anugerah Penyelidik UMS (APUMS) 2018, dekat sini, malam semalam.

Acara penyampaian anugerah disampaikan Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, Datuk Dr Yusof Yaacob.

Antara anugerah disampaikan termasuklah Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) Kategori Malim (Sains), APC Kategori Penyelidik (Sains), APC Kategori Penyelidik (Sains Sosial), APC Kategori Penyelidik Muda (Sains), APC Kategori Penyelidik Muda (Sains Sosial), Inovasi dan Rekacipta Penyelidikan, Penerbitan Buku, Harta Intelek serta Anugerah Khas dalam Inovasi dan Rekacipta Penyelidikan.

Dalam pada itu, Taufiq menyatakan UMS terus komited mencapai lebih banyak kejayaan dalam pelbagai bidang penyelidikan tahun hadapan seiring memasuki tahun 2020.

Sementara itu, beliau yang baru sahaja memegang jawatan Naib Canselor UMS berasa bangga melihat kejayaan penyelidikan dilakukan warganya.

“Selaku orang baharu di universiti ini, pastinya saya kagum dengan penyelidikan-penyelidikan di sini kerana sudah dipatenkan serta menerima pengiktirafan dipelbagai peringkat.

“Paten ini penting bagi memelihara harta intelek kita selain meningkatkan keupayaan UMS di peringkat dunia,” katanya. -SabahNews Today